

26/09/1997

IMF sokong tindakan KL tunda projek mega

Azizi Othman in Hong Kong

HONG KONG, Khamis - Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) kagum tindakan segera Malaysia menunda pelaksanaan beberapa projek mega dan melaksanakan langkah berjimat-cermat untuk memastikan ekonominya terus mantap.

IMF yang menyifatkan tindakan itu tepat pada masanya, turut memuji tindakan Malaysia itu kerana ia dibuat tepat pada masanya bagi mengelak berlakunya sebarang kemungkinan lebih buruk.

Sambil menyifatkan usaha itu sebagai bijaksana, Pengarah Urusan IMF, Michel Camdessus, pada sidang akhbar sempena penutup Mesyuarat Tahunan IMF-Bank Dunia di sini hari ini, berkata tindakan Malaysia itu wajar diteladani negara lain.

"IMF mengagumi tindakan pantas Malaysia mengumumkan penundaan beberapa projek pembangunan gergasnya dan melaksanakan langkah berjimat cermat sebagai usaha menghadapi sebarang kemungkinan.

"Kita juga menghormati keberanian Malaysia mengambil langkah tegas dalam menghadapi suasana genting bagi mempertahankan kewibawaan ekonominya.

"Bagaimanapun, menyedari hakikat Malaysia memang mengamalkan dasar pragmatik dalam mengurus ekonominya, tindakan itu tidaklah mengejutkan," katanya ketika ditanya reaksi IMF terhadap langkah berkenaan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini mengumumkan Malaysia akan menunda pelaksanaan beberapa projek pembangunan mega yang dirancangkannya bagi meredakan tekanan kejatuhan nilai ringgit.

Perdana Menteri berkata, antara projek yang akan dijadualkan semula ialah Empangan Hidroelektrik Bakun, projek KL Linear City dan Lapangan Terbang Antarabangsa Wilayah Utara (NRIA).

Susulan kepada usaha itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pula mengumumkan semua perbelanjaan sektor awam dikurangkan dua peratus dan program membabitkan kos besar tetapi kurang penting, dikaji semula.

Pada sidang akhbar yang penuh sesak dengan wartawan itu, Camdessus juga memberi beberapa pujian terhadap kebijaksanaan pemimpin Malaysia menangani cabaran ekonomi semasa dan yakin ia berkesan menangani masalah semasa.

Kenyataan beliau itu sekali gus menafikan laporan beberapa media asing dari sini yang mengatakan bahawa langkah Malaysia dan beberapa negara Asia Tenggara itu tidak akan dapat membantu memperbaiki kegawatan ekonomi yang dihadapinya.

Selain Malaysia, tiga lagi rakan Asean yang mengalami tekanan nilai mata wang iaitu Indonesia, Thailand dan Filipina, juga sudah mengumumkan untuk mengambil langkah serupa.

Mengenai dua inisiatif yang dicadangkan oleh Anwar ketika berucap pada Lembaga Gabenor IMF-Bank Dunia, di sini semalam, Camdessus berkata ia adalah idea yang amat bernas dan harus mendapat perhatian semua pihak.

"IMF akan membuat kajian menyeluruh mengenai cadangan itu dan bersedia memberikan perhatian kerana ia memang sejajar matlamat penubuhan tabung ini bagi mewujudkan persekitaran ekonomi dunia yang lebih stabil," katanya.

Semalam, Anwar mencadangkan dua inisiatif kepada IMF-Bank Dunia ke arah menggalakkan kerjasama bagi mempermudah liberalisasi dan penyepaduan pasaran kewangan sekali gus mengelak berlakunya ketidakstabilan sejagat.

Inisiatif pertama ialah memperluaskan rangka kerja Piawai Penyebaran Maklumat Khas (SDDS) dan yang sedia ada dalam IMF serta inisiatif kedua, mewujudkan rangka kerja bagi membolehkan anggotanya membuat penyesuaian

bagi menangani kuasa pasaran.

Kedua-dua inisiatif itu yang dilihat sebagai usaha melindungi kepentingan negara membangun dalam arus globalisasi, dijangka mampu mengekang fenomena aliran modal rentas sempadan secara mendadak yang mencetuskan ketidakstabilan.

Ketika diminta mengulas cadangan penubuhan sebuah dana khas sebagai persediaan menangani krisis ekonomi dan mata wang bagi negara di rantau itu, Camdessus berkata ia adalah sesuatu yang perlu dibincangkan lebih lanjut.

"Bagaimanapun, apa yang penting ialah cadangan itu membuktikan komitmen positif negara Asia untuk lebih bersatu dalam membuat persediaan bagi memastikan kestabilan ekonomi serantau pada masa depan," katanya.

(END)